


**KAJIAN KE ATAS ASPIRASI, NILAI DIRI, HALANGAN DAN KEPERLUAN  
PELAJAR-PELAJAR FAKIR MISKIN DI NEGERI SELANGOR:  
SATU TINJAUAN AWAL DI DAERAH SABAK BERNAM**



**PROF. MADYA DR. ZURIA MAHMUD (KETUA PENYELIDIK)  
DR. AB. HALIM TAMURI  
EN. SAFANI BARI**

**PUSAT PENDIDIKAN KEPELBAGAIAN PELAJAR  
FAKULTI PENDIDIKAN, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
DAN  
PUSAT ZAKAT SELANGOR**

**LAPORAN PENYELIDIKAN  
PENYELIDIKAN JANGKA PENDEK  
GG004/2004**

## Abstrak

*Tujuan utama tinjauan awal ini adalah untuk mendapatkan maklumat-maklumat umum yang wujud serta mengenalpasti permasalahan sebenar yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dari golongan fakir miskin. Beberapa objektif kajian telah ditetapkan iaitu untuk :menenalpasti aspirasi yang ingin dicapai oleh pelajar-pelajar fakir miskin, mengkaji nilai-nilai yang wujud dikalangan pelajar-pelajar fakir miskin. mengenalpasti bentuk-bentuk halangan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar ini dan mengenalpasti bentuk keperluan-keperluan yang sesuai untuk pelajar-pelajar ini. Kajian ini adalah satu tinjauan (survey) yang bertujuan untuk mengkaji permasalahan sebenar yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dari golongan fakir miskin di negeri Selangor. seramai 42 orang pelajar-pelajar Tingkatan 5 (termasuk 1 pelajar Tingkatan 4) telah dipilih dalam kajian ini. 23 orang pelajar adalah terdiri daripada golongan pelajar fakir miskin yang tinggal diluar kawasan Desa Kasih manakala 19 orang pelajar terdiri daripada pelajar-pelajar yang tinggal di tiga buah Desa Kasih Pusat Zakat Selangor. Dua instrumen telah dibina dan digunakan dalam kajian ini iaitu borang soal selidik pelajar dan protokol temubual. Data-data yang diperolehi melalui borang soal akan dianalisa dengan menggunakan program SPSS for Windows (Version 11.0) manakala bagi tembual pula penyelidik telah menjalankan tiga tahap penganalisaan data secara kualitatif. Walaupun pelajar fakir miskin di Malaysia mempunyai banyak masalah kewangan, tetapi peserta-peserta dalam kajian ini mempamerkan aspirasi yang sihat, serta nilai yang positif. Apa yang ketara menjadi penghalang kepada aspirasi pelajar-pelajar miskin ini adalah caragaya hidup mereka seperti menonton televisyen, berbual kosong dan memperuntukkan masa yang sangat sedikit untuk mengulangkaji, menyiapkan kerja rumah, ataupun membaca bacaan berunsur akademik, kerohanian, maupun pengetahuan am.. Dengan bimbingan yang sesuai kepada pelajar dan keluarga mereka, pelajar-pelajar ini tidak perlu mewarisi kesempatan kehidupan seperti yang dilalui oleh keluarga mereka.*

**KAJIAN KE ATAS ASPIRASI, NILAI DIRI, HALANGAN DAN KEPERLUAN  
PELAJAR-PELAJAR FAKIR MISKIN DI NEGERI SELANGOR:  
SATU TINJAUAN AWAL DI DAERAH SABAK BERNAM**

**PROF. MADYA DR. ZURIA MAHMUD (KETUA PENYELIDIK)  
DR. AB. HALIM TAMURI  
EN. SAFANI BARI**

**LAPORAN PENYELIDIKAN  
PENYELIDIKAN JANGKA PENDEK  
GG004/2004**

**FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
2004**

## **BAB I**

### **Pengenalan**

#### **1.1 PENDAHULUAN**

Pembangunan golongan fakir miskin adalah satu agenda yang sangat penting dalam proses pembangunan masyarakat Islam di negara kita amnya dan negeri Selangor khususnya. Umumnya, walaupun jumlah golongan fakir miskin yang ada di negeri Selangor tidak begitu besar, mereka perlu diberikan perhatian yang serius oleh pihak berkuasa bagi meningkatkan taraf kehidupan mereka ke tahap yang lebih baik. Pelbagai aktiviti dan program telah dirancang oleh pelbagai pihak untuk golongan ini, namun begitu masih wujud beberapa aspek dari segi pelaksanaan yang dapat ditingkatkan lagi keberkesanannya. Untuk generasi muda mereka pula, pendidikan merupakan elemen yang paling penting dan signifikan untuk mengubah status sosial dan ekonomi mereka ke kepada satu tahap yang lebih baik lagi berbanding dengan keluarga mereka.

#### **1.2 PENYATAAN MASALAH**

Umumnya, masalah yang dihadapi oleh golongan pelajar dari keluarga fakir miskin adalah satu tugas utama yang perlu diselesaikan secara bersama oleh masyarakat dan pihak berkuasa. Setiap tahun, pihak Baitulmal Selangor melalui Pusat Zakat Selangor (PZS) telah memberikan berbagai bentuk bantuan kepada pelajar-pelajar ini seperti pakaian, kewangan dan juga yuran periksaan bagi meringankan kesusahan dan masalah yang dihadapi khususnya dalam aspek pendidikan. Sebagai contoh, dalam tahun 2004, pihak PZS telah memperuntukkan hampir RM4 juta untuk membantu anak-anak fakir miskin bagi memulakan sesi persekolahan tahun ini. Bantuan yang diberikan adalah

Bantuan Umum Pelajaran telah diberikan kepada 18,600 orang pelajar fakir miskin dari pelbagai tahap pendidikan dan sekolah (PZS, 2004)

Namun begitu, berdasarkan pemerhatian dan tinjauan yang dijalankan, masih terdapat berbagai masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar ini. Contohnya, terdapat pelajar-pelajar fakir miskin yang enggan bersekolah, mempunyai tahap pencapaian akademik yang rendah dan menghadapi masalah-masalah disiplin di sekolah mereka seperti merokok dan ponteng sekolah. Apa yang membimbangkan, daripada pemerhatian dan tinjauan awal yang dijalankan oleh penyelidik, tahap keyakinan dan kesungguhan pelajar-pelajar ini serta pencapaian akademik mereka masih berada ditahap yang kurang memuaskan.

Selain itu, terdapat berbagai pelbagai bentuk halangan yang melambatkan dan membantutkan peningkatan akademik diri mereka. Jumlah pelajar-pelajar fakir miskin yang berjaya memasuki sekolah berasrama penuh, MRSM juga adalah masih sedangkan mereka telah diberikan berbagai bentuk bantuan seperti kewangan dan juga tempat tinggal oleh pihak berkuasa khususnya pihak PZS. Timbul beberapa persolan yang perlu dikaji dengan lebih mendalam dan masalah yang sedang berlaku ini perlu diberi perhatian kerana masih terdapat lebih 3,000 pelajar fakir miskin yang didaftarkan di Pusat Zakat Selangor.

Secara umumnya, masih belum terdapat satu kajian yang menyeluruh dan mendalam yang telah dijalankan bagi mengenalpasti aspirasi, nilai diri, keperluan dan halangan di kalangan pelajar-pelajar fakir miskin, khususnya di negeri Selangor. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan menjalankan satu kajian yang menyeluruh ke atas golongan pelajar-pelajar fakir miskin perlu dijalankan. Sebelum kajian menyeluruh tersebut dapat dijalankan, satu tinjauan awal perlu dilaksanakan untuk mendapatkan data-data serta maklumat yang penting bagi kajian tersebut.

Untuk tujuan itu, satu kajian awal telah dijalankan di daerah Sabak Bernam untuk mengenal pasti isu-isu yang berlaku di kalangan pelajar-pelajar fakir miskin ini. Sabak

Bernam merupakan daerah yang mempunyai jumlah terbanyak fakir miskin di negeri Selangor dimana terdapat sebanyak 10 buah desa yang dirancang dan dibina sebagai pusat penempatan golongan fakir miskin ini. Selain itu, terdapat sejumlah pelajar-pelajar lain yang tidak tinggal di pusat-pusat penempatan ini yang juga menerima bantuan kewangan daripada PZS.

### **1.3 TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN**

Tujuan utama tinjauan awal ini adalah untuk mendapatkan maklumat-maklumat umum yang wujud serta mengenalpasti permasalahan sebenar yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dari golongan fakir miskin. Secara khususnya, pengkaji telah menetapkan beberapa objektif kajian seperti berikut:-

- 1) Menenalpasti aspirasi yang ingin dicapai oleh pelajar-pelajar fakir miskin.
- 2) Mengkaji nilai-nilai yang wujud dikalangan pelajar-pelajar fakir miskin.
- 3) Menenalpasti bentuk-bentuk halangan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar ini.
- 4) Menenalpasti bentuk keperluan-keperluan yang sesuai untuk pelajar-pelajar ini.

### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

Bagi menjawab objektif kajian di atas, beberapa persoalan kajian telah dikenalpasti oleh penyelidik iaitu:

- 1) Apakah aspirasi yang ingin dicapai oleh pelajar-pelajar fakir miskin tersebut?
- 2) Apakah nilai-nilai yang wujud dikalangan pelajar-pelajar fakir miskin?
- 3) Apakah halangan-halangan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar ini?
- 4) Apakah keperluan-keperluan yang sesuai untuk pelajar-pelajar ini?

## **1.5 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian terhadap pelajar-pelajar yang dikategorikan sebagai pelajar fakir miskin ini adalah amat penting dan memberi sumbangan yang besar kepada perancangan pembangunan untuk mereka. Data-data yang diperolehi ini boleh digunakan oleh Pusat Zakat Selangor untuk mengenalpasti permasalahan sebenar yang dihadapi oleh golongan ini. Perancangan yang lebih sistematik boleh dirangka bagi memasti pelaksanaan program untuk golongan ini lebih berjaya. Isu yang dihadapi oleh golongan ini dapat dikenalpasti dan ini membolehkan pihak PZS memberikan bantuan yang dapat membantu golongan ini untuk keluar daripada belenggu kemiskinan.

Hasil dapatan kajian ini juga boleh digunakan oleh institusi-institusi pendidikan tinggi di negeri Selangor seperti Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga Kolej Islam Selangor Darul Ehsan untuk membantu merangka program khidmat masyarakat kepada pelajar-pelajar ini. Program motivasi dan bimbingan akademik yang sesuai dapat dirangka berdasarkan hasil dapatan kajian ini. Berdasarkan fakta-fakta sebenar, kandungan pengisian program yang lebih sesuai dapat diberikan agar ianya benar-benar bersesuaian dengan keperluan dan boleh membantu pelajar-pelajar ini. Selain itu, berdasarkan laporan kajian ini juga, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor dan badan-badan bukan kerajaan lain juga dapat merangka program-program yang sesuai untuk membantu PZS dalam menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan golongan fakir miskin ini.

## **1.6 BATASAN KAJIAN**

Kajian ini akan memberikan tumpuan hanya kepada pelajar-pelajar yang dikategorikan sebagai pelajar-pelajar yang datang golongan fakir miskin oleh Pusat Zakat Selangor. Kajian ini hanya dijalankan di daerah Sabak Bernam, Selangor. Sehubungan dengan itu, kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada pelajar-pelajar daripada kawasan lain dan pelajar-pelajar yang tidak dikategorikan sebagai fakir miskin. Fokus utama kajian ialah keatas golongan pelajar-remaja yang berumur antara 16 hingga 17 tahun sahaja yang tidak di dalam Desa Kasih serta mereka yang tinggal di luar kawasan penempatan fakir miskin.

## **BAB II**

### **TINJAUAN LITERATUR**

#### **2.1 PENDAHULUAN**

Bab ini akan membincangkan beberapa aspek penting dalam kajian ini iaitu peranan Pusat Zakat Selangor dalam membantu fakir miskin Bab ini juga akan membincangkan penulisan yang ditemui yang memberi fokus kepada isu-isu yang dihadapi oleh pelajar dari golongan sosio ekonomi rendah. Pendapat dan kajian yang dikupas adalah berkisar kepada tajuk-tajuk pencapaian akademik, aspirasi , gaya hidup dan halangan yang dihadapi oleh pelajar dari keluarga berpendapatan rendah.

#### **2.2 PUSAT ZAKAT SELANGOR DAN FAKIR MISKIN**

Baitulmal dan Pusat Pungutan Zakat telah ditubuhkan di setiap negeri di Malaysia untuk mengurus kutipan dan seterusnya mengagihkan kepada asnaf yang layak. Di Selangor, Pusat Zakat Selangor telah ditubuhkan pada tahun 1994 untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini. Berdasarkan laporan tahun 1990-2001, negeri Selangor adalah negeri yang tertinggi dalam kutipan zakat jika dibandingkan dengan negeri lain dimana dalam tempoh tersebut sebanyak RM267,726,945.00 zakat telah dikutip. Jumlah kutipan telah meningkat dengan baik sekali setelah Pusat Zakat Selangor ditubuhkan pada tahun 1994. Prestasi yang baik telah meningkat dari tahun demi tahun kerana fungsi dan peranan yang berkesan daripada pihak PZS. Asas kepada pengagihan kutipan zakat ini telah diusahakan dan dilaksanakan dengan sebaiknya oleh PZS berdasarkan kepada lapan asnaf

yang layak menerima zakat. Antara golongan yang diberi tumpuan oleh PZS ialah golongan fakir miskin. Data daripada tahun 1990-2001 menunjukkan jumlah yang tinggi telah diberikan kepada golongan ini. Golongan telah miskin telah menerima RM45,785,312.00 dalam tempoh tersebut manakalan golongan fakir pula telah menerima RM13,635,117.00 (Zulkefly et. al. 2004). Berbagai program telah dilaksanakan untuk golongan ini seperti bantuan kewangan, latihan, kursus dan bimbingan. Namun satu program besar yang telah dilaksanakan ialah penubuhan DESA KASIH yang menempatkan golongan fakir miskin tempat perlindungan yang agak sempurna dan selesa. Program ini telah banyak membantu golongan ini dalam menjalankan kehidupan seharian mereka.

Fokus utama PZS ialah untuk meningkatkan tahap kehidupan mereka dan seterusnya dapat mengeluarkan mereka daripada belenggu kemiskinan. Golongan fakir telag didefinisikan sebagai “orang Islam yang tidak mempunyai harta hasil usaha pekerjaan yang halal dan layak dengannya untuk memenuhi keperluan dirinya dan tanggungannya termasuklah makanan, pakaian, tempat tinggal dan keperluan-keperluan lain”. Manakala golongan miskin pula ialah “orang Islam yang mempunyai harta dan hasil usaha yang halal dan layak dengannya tetapi masih tidak mencukupi untuk menanggung keperluan dirinya dan tanngungannya”.

Bagi membantu kedua-dua golongan ini, PZS telah merangka bantuan yang bersesuaian dengan mereka. Contohnya dalam tahun 2003 sahaja sebanyak RM9.48 juta telah diberikan kepada golongan ini untuk persediaan Ramadhan dan menyambut Syawal. Keluarga fakir telah menerima antara RM500-RM750 dan keluarga miskin pula telah menerima RM450-RM700 (PZS 2003). Bantuan yang diberikan ini adalah untuk meringankan bebanan yang dihadapi oleh mereka dalam menyambut bulan yang mulia ini.

Dalam bidang pendidikan pula, PZS telah menagihkan bantuan pendidikan kepada pelajar yang dikenalpasti daripada kedua-dua golongan ini. Bagi sesi persekolahan 2004, sebanyak RM4 juta telah diperuntukkan kepada 18,600 orang anak

fakir miskin. Setiap pelajar menerima bantuan pembayaran yuran, pakaian sekolah, kasut, stoking, beg serta dua pasang pakaian seragam sekolah. Nilai bantuan adalah berbeza berdasarkan kategori pendidikan pelajar iaitu (PZS 2004):

- a) Tadika – RM130.00
- b) Sekolah kebangsaan dan sekolah rendah agama – RM155.00-RM205.00
- c) Sekolah menengah kebangsaan dan sekolah menengah agama – RM265.00-RM400.00
- d) Yuran persekolahan – RM80.00-RM400.00

Adalah diharapkan bantuan yang diberikan oleh PZS akan dapat membantu bebanan ibubapa dan juga pelajar-pelajar dalam bidang pendidikan. Selain daripada itu, program motivasi pendidikan juga telah dilaksanakan untuk golongan ini bagi meningkatkan tahap pendidikan mereka ke arah yang lebih baik lagi. Dengan perubahan dan peningkatan dalam pendidikan, ia dengan sendirinya akan merubah persepsi mereka serta akan dapat mengubah status sosio-ekonomi keluarga mereka.

### **2.3 PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR MISKIN**

Pencapaian akademik adalah satu aspek persekolahan yang tidak dapat dipisahkan dari kehidupan pelajar. Bagaimanapun pencapaian akademik pelajar adalah berbeza-beza kerana dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Latarbelakang pelajar adalah faktor yang sering disebut sebagai pengaruh utama kepada perbezaan dalam pencapaian akademik. Kajian-kajian menunjukkan bahawa pencapaian akademik bukan sahaja dipengaruhi oleh masalah kewangan yang dihadapi oleh pelajar tetapi juga budaya yang melingkungi keluarga dan masyarakat yang melingkungi kehidupan pelajar-pelajar. Holloway (2003) yang menjalankan kajian keatas kanak-kanak dari golongan “homeless” atau tiada rumah mendapati bahawa pelajar-pelajar miskin ini tidak berpeluang mengikuti kelas tadika, selalu berubah sekolah kerana mengikuti keperluan pencarian sumber ekonomi keluarga mereka, serta menghadapi masalah ponteng. Selain dari itu, pelajar dari keluarga miskin juga menghadapi masalah keluarga yang melibatkan hubungan kekeluargaan yang tidak stabil, serta penderaan seksual, mental, dan fisikal. Keadaan ini

mengikuti Holloway (2003) menyebabkan gangguan kepada kepada proses pembelajaran, perkembangan emosi dan perkembangan keseluruhan pelajar tersebut.

Di Amerika Syarikat, data dari National Assessment for Educational Progress menunjukkan pelajar dari golongan sosio ekonomi rendah menghadapi masalah pencapaian dalam matapelajaran utama seperti matematik dan sains. Kajian NAEP (2000) ini menunjukkan bahawa hanya satu peratus dari pelajar-pelajar sekolah menengah dari golongan minoriti berkulit hitam mampu menyelesaikan masalah matematik pada peringkat yang sepatutnya. Begitu juga dengan pencapaian dalam kemahiran membaca, di mana majoriti pelajar dari golongan ini berada di bawah tahap yang sepatutnya walaupun mereka telah tamat sekolah menengah.

Bukan sahaja pelajar miskin berkulit hitam yang menghadapi masalah akademik. Kajian Low dan Clement (1982) mendapati pelajar dari bangsa Hispanic dan kulit putih dari golongan berpendapatan rendah juga mempunyai masalah dalam pelajaran matematik dan membaca dibandingkan rakan mereka dari golongan berpendapatan pertengahan dan tinggi. Begitu juga dengan pelajar-pelajar berketurunan Jepun di Amerika, di mana yang berjaya adalah dari golongan yang berada (Wong, 1990).

### **2.3.1 Aspirasi Pelajar Golongan Miskin**

Aspirasi bermaksud cita-cita dan harapan seseorang dalam sesuatu aspek kehidupan. Bagi pelajar, aspirasi untuk meneruskan pelajaran ke kolej dan aspirasi kerjaya sering diperkatakan. Aspirasi pelajar golongan miskin didapati mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik (Velez, 1989). Pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang baik mempunyai aspirasi untuk terus berjaya dalam pelajaran dan berharap untuk mendapat pekerjaan yang baik. Kajian-kajian menunjukkan di kalangan pelajar luar bandar, aspirasi untuk berjaya berkait rapat dengan keyakinan pelajar dalam kebolehan akademiknya.

Kajian Ramos, Lucila, Sanchez, dan Arthur (1995) pula menunjukkan bahawa di kalangan pelajar minoriti Mexican-American, aspirasi mereka dipengaruhi oleh pencapaian akademik, tahap penyesuaian sosial, serta persepsi mereka terhadap sokongan yang diberi oleh ibu bapa. Ramos et al. mencadangkan program-program yang diadakan perlulah melibatkan ibubapa untuk membolehkan ibubapa memberi sokongan kepada anak-anak mereka. Pendapat ini disokong oleh Van Hook (1993) yang mendapati aspirasi pelajar di luar bandar dipengaruhi oleh tahap pendidikan ibubapa. Kemiskinan keluarga dan kekurangan pendidikan di kalangan ibu bapa mungkin menyumbang kepada kepercayaan pelajar bahawa kekangan ekonomi akan menyekat mereka mencapai cita-cita. Ini menyebabkan mereka berasa tiada harapan yang tinggi dan ini terus mempengaruhi penglibatan mereka dalam proses pembelajaran. Oleh itu, Van Hook (1993) mencadangkan pekerja khidmat masyarakat bekerjasama dengan sekolah, kaunselor dan persatuan ibu-bapa untuk menyampaikan maklumat tentang peluang-peluang bantuan kewangan supaya keadaan ini dapat diperbaiki.

### **2.3.2 Gaya Hidup Pelajar Miskin**

Gaya hidup pelajar memberi impak kepada pencapaian akademik dan aspirasi mereka. Walaupun pihak sekolah menyediakan proses pembelajaran yang sama untuk semua pelajar tanpa mengira status sosio ekonomi, pelajar miskin masih ketinggalan kerana gaya hidup mereka tidak membantu mereka untuk mencapai dalam pelajaran. Perbezaan ini ketara sewaktu pelajar tidak berada di sekolah iaitu selepas waktu sekolah setiap hari dan juga sewaktu cuti sekolah. Bracey (2003) melaporkan bagaimana pelajar dari golongan berpendapatan rendah ketinggalan kebelakang apabila musim sekolah bercuti. Kebolehan pelajar-pelajar miskin didapati menurun dalam pelajaran matematik dan pembacaan, manakala pelajar dari golongan sederhana bertahan dalam matematik dan meningkat dalam pembacaan. Sebaliknya pelajar dari golongan berpendapatan tinggi meningkat dalam kedua-dua mata pelajaran.

Menurut Bracey (2003), pelajar miskin kerugian kerana sebab-sebab gaya hidup mereka. Pertamanya, ibu bapa mereka kurang bercakap dengan anak-anak mereka

berbanding pelajar dari golongan lebih berada. Pelajar dari golongan sederhana dan tinggi SES dibawa oleh ibubapa mereka ke tempat-tempat yang memberi pengetahuan baru seperti ke bandar, muzium, pusat sains dan lain-lain lagi. Pelajar dari golongan sederhana dan kaya juga berpeluang bermain dalam permainan yang terancang supaya mereka dapat secara tidak langsung belajar. Selain dari di sekolah, pelajar-pelajar miskin tidak berpeluang melalui pembelajaran melalui pengalaman maupun pembacaan. Mereka kurang peluang untuk membaca kerana di rumah mereka kurang terdapat buku-buku, dan kedai-kedai di kawasan perumahan golongan berpendapatan rendah sangat kurang menjual buku-buku yang sesuai untuk kanak-kanak berbanding kedai di kawasan perumahan yang didiami golongan berpendapatan lebih tinggi.

Di Malaysia, kualiti tuisyen yang dihadiri oleh pelajar juga bergantung kepada kedudukan kewangan ibu bapa mereka. Ibu bapa yang lebih berada mampu menggaji tutor peribadi khas untuk anak mereka, manakala ibu bapa yang kurang mampu, menghantar anak mereka ke pusat tuition yang mempunyai ramai pelajar dalam satu kelas sehingga perhatian tidak dapat diberikan kepada seseorang pelajar sahaja. Pelajar yang miskin langsung tidak berpeluang menghadiri tuisyen kecuali yang diberikan secara percuma oleh mana-mana pihak. Itupun, kadangkala ibubapa tidak mampu untuk menghantar ke keas tuition jika jarak rumah dan pusat tuition agak jauh dan perlu menggunakan perbelanjaan.

## **BAB III**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pendahuluan**

Bab ini akan memberikan penjelasan tentang beberapa aspek penting dalam metodologi kajian yang merangkumi jenis kajian, instrumen kajian, jadual kerja, kaedah persampelan, pemerolehan data dan penganalisan data kajian.

#### **3.2 Rekabentuk kajian**

Kajian ini adalah satu tinjauan (*survey*) yang bertujuan untuk mengkaji permasalahan sebenar yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dari golongan fakir miskin di negeri Selangor. Fokus utama yang diberikan dalam kajian ini ialah aspek aspirasi, nilai, halangan dan keperluan yang ada di kalangan pelajar-pelajar fakir miskin di daerah Sabak Bernam. Kajian ini telah menggunakan dua pendekatan dalam penyelidikan sains sosial iaitu secara pendekatan kuantitatif dan kualitatif bagi mendapat maklumat yang lebih tepat dan menyeluruh (Kumar 1999). Namun begitu kajian ini hanya terbatas di kalangan pelajar-pelajar sahaja dan tidak mengkaji lebih lanjut aspek lain seperti keluarga, ibubapa dan juga persekitaran tempat tinggal mereka.

#### **3.3 Populasi dan sampel kajian**

Populasi kajian ini adalah pelajar-pelajar yang dikategorikan sebagai pelajar-pelajar fakir miskin oleh Pusat Zakat Selangor. Kajian ini telah menggunakan kaedah *purposive sampling* atau persampelan bertujuan (Burns 2000: 465). Ini adalah untuk mendapat

maklumat yang tepat dan mendalam daripada sampel kajian dimana seramai 42 orang pelajar-pelajar Tingkatan 5 (termasuk 1 pelajar Tingkatan 4) telah dipilih dalam kajian ini. 23 orang pelajar adalah terdiri daripada golongan pelajar fakir miskin yang tinggal diluar kawasan Desa Kasih manakala 19 orang pelajar terdiri daripada pelajar-pelajar yang tinggal di tiga buah Desa Kasih Pusat Zakat Selangor iaitu Desa Kasih Sungai Nibong, Desa Kasih Tebok Pulai dan Desa Kasih Merbau Berdarah.

### **3.4 Tempat kajian**

Kajian ini hanya dijalankan di daerah Sabak Bernam sahaja dan proses pengumpulan data kajian telah dilaksanakan di tiga pusat iaitu Pejabat Agama Daerah Sabak Bernam, Desa Kasih Tebok Pulai, Sabak Bernam dan Desa Kasih Merbau Berdarah, Sungai Besar.

### **3.5 Instrumen Kajian**

Dua instrumen telah dibina dan digunakan dalam kajian ini:

- a) ***Borang soal selidik*** : Satu set borang soalselidik akan dibina untuk kajian iaitu soal selidik untuk pelajar-pelajar. Bahagian A borang soal selidik mengandungi latar belakang pelajar seperti jantina, umur, sekolah dan tahap pencapaian mereka dalam PMR. Bahagian B pula mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan purata masa yang diluangkan oleh responden dalam melakukan sesuatu aktiviti harian mereka serta dua rancangan televisyen dan siaran radio yang diminati.
- b) ***Protokol Temubual*** : Satu set protokol temubual semi-struktur akan dibina untuk pelajar-pelajar (Drever 1995). Terdapat 7 soalan utama dikemukakan kepada pelajar iaitu:

*1. Ceritakan tentang diri anda?*

- nama
- jantina
- bilangan adik beradik

- bilangan ke berapa
- pencapaian akademik
- pekerjaan bapa/ibu
- pendidikan ibu/bapa

2. *Apakah cita-cita anda apabila anda tamat belajar nanti?*
3. *Jika ada perkara berkaitan dengan diri yang ingin diubah, apakah perkara tersebut?*
4. *Apakah yang anda rasa boleh dilakukan untuk mencapai perubahan tersebut?*
5. *Tindakan kita banyak bergantung kepada nilai-nilai yang kita pegang. Nilai bermaksud apa yang anda hargai. Contoh-contoh nilai yang dipegang oleh seseorang seperti keberanian, kerajinan, keseronokan, bertanggungjawab, amanah, jujur, setia dll. Sebutkan nilai-nilai penting yang menentukan tindakan anda?*
6. *Kadang-kadang kita mahu melakukan sesuatu yang baik dan berjaya dalam pelajaran, tetapi terdapat perkara-pekerja yang menghalang seperti masalah kewangan, masalah keluarga, rakan-rakan, perasaan sendiri malu, malas, takut dll. Apakah halangan yang paling besar bagi anda?*
7. *Kadang-kadang kita memerlukan beberapa perkara untuk membolehkan kita berjaya. Contohnya: bantuan kewangan, kasih sayang, galakan dan sokongan dari ibubapa., rakan-rakan yang positif, jiran tetangga dll. Sebutkan perkara-perkara yang anda perlukan untuk anda berjaya?*


Penggunaan kedua-dua instrumen ini juga adalah sebagai salah satu cara untuk memenuhi aspek triangulasi sesebuah kajian yang mengumpulkan data dengan menggunakan pelbagai alat penyelidikan. Untuk keesahan dan kebolehpercayaan, kedua-dua instrumen ini telah disemak dan diuji beberapa kali oleh penyelidik serta dikemukakan kepada beberapa orang pakar lain untuk dinilai. Selain itu, pembantu-pembantu penyelidik telah dilatih dan didedahkan dengan teknik kajian, langkah serta pendekatan yang sesuai bagaimana untuk mengendalikan temubual kumpulan berfokus

khususnya dalam aspek cara mengemukakan soalan kajian dan bagaimana untuk mendapatkan penjelasan lanjut daripada responden kajian.

### 3.6 Tatabara Prosedur Dan Jadual Kerja

Kajian dijangka mengambil masa selama tiga bermula pada bulan Januari 2004 sehingga Mac 2004. Tahap-tahap pelaksanaan kajian boleh dapatlah diringkaskan seperti di dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1 Tahap-tahap pelaksanaan projek



### 3.7 Kaedah Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data telah dijalankan selama dua hari iaitu pada **31hb Disember 2003 dan 1hb Januari 2004**. Diperingkat awal, penyelidik telah mengadakan perbincangan dengan pihak Pusat Zakat Selangor Daerah Sabak Bernam untuk mengenalpasti pelajar-pelajar Tingkatan 5 yang mendapat bantuan pendidikan dari Pusat Zakat Selangor. Pihak Pusat Zakat telah mengenal pasti seramai 30 pelajar miskin yang

tinggal dan luar Desa Kasih dan 20 pelajar yang tinggal di kawasan Desa Kasih bagi tujuan penyelidikan ini.

Proses temubual ini telah dijalankan oleh empat orang pembantu penyelidik yang dibahagikan kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama akan menjalankan penyelidikan dikalangan pelajar yang tinggal di luar Desa Kasih manakala kumpulan kedua pula akan menjalankan pengumpulan data di kawasan Desa Kasih. Kumpulan pertama telah menjalankan proses pengumpulan data di Pejabat Agama Daerah Sabak Bernam, Sungai Besar dimana seramai 23 orang pelajar telah hadir. Bagi kumpulan dua pula, seramai 19 pelajar telah hadir dalam sesi temubual yang dirancang di dua Desa Kasih yang terpilih iaitu Desa Kasih Tebuk Pulau (9 responden) dan Desa Kasih Merbau Berdarah (11 responden). Selain itu, empat orang responden dari Desa Kasih Sungai Nibong telah dibawa ke Desa Kasih Tebuk Pulau bagi memudahkan proses pengumpulan data kajian dijalankan.

Sebelum temubual dijalankan, responden kajian telah mengedarkan borang soal selidik kepada responden dan ianya telah mengambil masa kurang daripada 15 minit. Setelah itu, pelajar-pelajar dimaklumkan bahawa satu temubual berfokus secara kumpulan akan dijalankan. Proses temubual tersebut telah mengambil masa diantara 60-90 minit. Terdapat empat kumpulan yang telah dibentuk dimana jumlah ahli kumpulan temubual tersebut adalah antara 9-10 orang. Proses pengumpulan data ini dikendalikan oleh seorang pembantu penyelidik dan proses temubual tersebut dirakamkan secara audio-video.

Tujuan penggunaan kamera video adalah untuk mendapat maklumat yang lebih terperinci dan dapat menganalisis aktiviti responden kajian dengan lebih teliti seperti gerak badan, reaksi muka dan cara mereka memberi maklum balas kepada soalan yang dikemukakan oleh penyelidik. Maklumat ini membolehkan penyelidik mendapatkan data serta penganalisaan yang lebih tepat dan menyeluruh terhadap responden. Aspek kerahsiaan telah juga dimaklumkan bagi memastikan mereka akan memberikan maklumat sebenar dan sejujur-jujurnya kepada penyelidik.

### **3.7 Analisa Data**

Data-data yang diperolehi melalui borang soal akan dianalisa dengan menggunakan program *SPSS for Windows (Version 11.0)*. Data-data dari borang soal selidik dan pemerhatian akan dianalisa dengan menggunakan statistik diskriptif seperti peratus dan frekuensi terutama yang berkaitan dengan latarbelakang sampel dan juga persepsi sampel terhadap item-item.

Untuk tembual pula penyelidik telah menjalankan tiga tahap penganalisan data seperti berikut (Burns 2000):

#### **a) Transkripsi**

Berdasarkan rakaman video yang dijalankan, penyelidik telah membuat transkripsi temubual yang dijalankan. Penyelidik membuat penganalisan daripada aspek perkataan, bahasa, reaksi muka dan gerak badan yang telah ditunjuk oleh responden. Ini adalah untuk mendapatkan gambaran dan data sebenar daripada temubual yang dijalankan (Drever 1995).

#### **b) Reduksi**

Data yang telah ditranskripsi kemudian dianalisa, di ringkaskan dan dikelaskan bagi mendapatkan data sebenar kajian. Maklumat yang tidak berkaitan akan diabaikan dan hanya memberi fokus kepada yang berkaitan dengan kajian.

#### **c) Koding**

Setelah data-data tersebut di kelaskan kepada beberapa tema dan isu utama dan masukkan kepada kumpulan yang berkaitan, penyelidik menganalisa data-data tersebut berasaskan kod-kod yang ditetapkan. Ini membolehkan penyelidik menganalisa data-data dan mendapatkan maklumat yang penting dalam penyelidikan tersebut. Setelah itu, data-data tersebut dipaparkan dalam bentuk jadual.

## BAB IV

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 PENDAHULUAN

Dalam bab ini, pengkaji akan menjelaskan beberapa dapatan kajian yang diperolehi dari boring soal selidik dan temubual dengan responden kajian.

#### 4.2 Analisis Profil Sampel

Sampel kajian ini terdiri daripada 42 orang pelajar dari daerah Sabak Bernam. Jadual 4.1 menunjukkan profile sampel dari jantina, umur, pencapaian akademik, pekerjaan ibubapa.

**Jadual 4.1 – Profile Responden**

<b>Profil Responden</b>	<b>Frekuensi (N =42)</b>	<b>Peratus</b>
Jantina:		
Lelaki	23	54.8%
Perempuan	19	45.2%
Umur:		
15 tahun	1	2.4%
16 tahun	38	90.5%
17 tahun	3	7.1%
Pencapaian Akademik:		
a) B.Melayu		
Lulus	39	92.8%

Gagal	1	2.4%
Tiada Data	2	-
b) B.Inggeris		
Lulus	29	69.1%
Gagal	11	26.2%
Tiada Data	2	-
c) Sains		
Lulus	38	90.5%
Gagal	2	4.8%
Tiada Data	2	-
d) Matematik		
Lulus	37	88.2%
Gagal	3	7.5%
Tiada Data	2	-
e) Pendidikan Islam		
Lulus	39	92.8%
Gagal	1	2.4%
Tiada Data	2	-
f) Sejarah		
Lulus	38	90.5%
Gagal	2	4.8%
Tiada Data	2	-
g) Geografi		
Lulus	38	90.5%
Gagal	2	4.8%

Tiada Data		-
Pekerjaan Bapa:		
a) Meninggal dunia	4	
b) Tidak bekerja	5	
c) Nelayan	5	
d) Kerja kampung	19	
e) Buruh	5	
f) Peniaga	2	
g) Pemandu bas	1	
h) Pengawal keselamatan	1	
Pekerjaan Ibu:		
a) Surirumah	35	
b) Berniaga	2	
c) Buruh	3	
d) Kerja kilang	2	

Berdasarkan jadual 4.1 di atas, keseluruhan responden iatu seramai 42 orang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah di mana hanya dua orang pelajar yang mempunyai ibubapa yang berpendapatan tetap (pemandu bas dan pengawal keselamatan). Bagaimanapun pencapaian akademik para pelajar ini agak memberansangkan di mana 90% daripada mereka lulus kesemua matapelajaran kecuali bagi matapelajaran matematik (88.2%) dan B.Inggeris (69.1%).

### 4.3 Analisis Cara Gaya Hidup

**Jadual 4.2 – Purata masa yang diperuntukan oleh pelajar dalam sehari untuk aktiviti-aktiviti di luar waktu persekolahan.**


<b>Aktiviti Pelajar</b>	<b>Min</b>
1. Menonton TV	2.54
2. Membantu ibubapa di rumah	2.24
3. Berbual kosong dengan rakan	2.14
4. Berehat-rehat	2.05
5. Beribadat	2.07
6. Berbual dengan ibubapa	1.90
7. Siapkan kerja sekolah di rumah	1.88
8. Bersiar-siar	1.81
9. Mendengar radio	1.81
10. Ulangkaji pelajaran	1.78
11. Lepak	1.57
12. Membaca al-Quran	1.56
13. Membaca majalah akademik/pendidikan	1.55
14. Bersukan	1.38
15. Menonton VCD	1.24
16. Tidur di waktu siang	1.16
17. Membaca majalah hiburan	1.09
18. Membaca surat khabar	1.07
19. Bermain alat muzik	0.76
20. Layari laman web	0.42

Berdasarkan jadual 4.2, didapati bahawa pelajar-pelajar banyak menghabiskan masa senggang mereka dengan menonton televisyen (min=2.54) dan berbual kosong dengan rakan-rakan (min=2.14) serta berehat-rehat (min=2.05). Kebanyakan mereka juga membantu ibubapa di rumah seperti menjaga adik-adik serta menguruskan kerja-kerja

rumah sewaktu ibu mereka keluar bekerja. Di dapati juga pelajar-pelajar kurang mengulangkaji pelajaran di rumah (min=1.78) iaitu pada tahap sederhana serta kurang membaca surat khabar (min=1.07). Aktiviti yang paling sedikit mendapat perhatian pelajar ini ialah melayari laman web (min=0.42) dan bermain alat muzik (min=0.76).


Selain itu, kajian ini juga telah menganalisa gaya hidup mereka berdasarkan rancangan televisyen yang diminati aatau yang sering ditontoni serta saluran radio yang mereka minati. Ini diharapkan akan dapat memberikan satu gambaran yang lebih menyeluruh tentang sikap dan gaya hidup seharian mereka.

**Rajah 4.1 Siaran radio pertama yang diminati**



Hasil daripada analisa yang dijalankan, untuk saluran radio yang pertama 34 (89.5%) pelajar meminati atau sering mendengar saluran hiburan seperti FM 95.3, Radio Era dan Radio Muzik. Hanya 4 (10.5%) sahaja yang mendengar saluran berbentuk informasi seperti Radio 1 RTM. Terdapat 4 orang pelajar yang tidak memberikan respon bagi soalan ini.

**Rajah 4.2 Siaran radio kedua yang diminati**




Untuk saluran kedua yang diminati pula, majority pelajar iaitu 29 pelajar (76.3%) memilih saluran yang berbentuk hiburan. Hanya 9 orang pelajar (23.7%) pelajar meminati saluran berbentuk informasi. 4 orang pelajar tidak memberikan reaksi kepada soalan ini.

Rajah 4.3 pula menunjukkan taburan pemilihan pelajar dalam rancangan televisyen yang diminati atau sering ditonton. Dapatan menunjukkan kebanyakan pelajar iaitu 23 pelajar (57.5%) memilih rancangan berbentuk hiburan. 15 orang (37.5%) pula meminati rancangan berbentuk informasi dan 2 orang (5.0%) memilih rancangan sukan. Terdapat dua orang pelajar yang tidak memberikan respon dalam bahagian ini. Ini menunjukkan rancangan hiburan mendominasi cara hidup pelajar khususnya dalam mengisi masa lapang atau senggang mereka.

**Rajah 4.3 Rancangan televisyen pertama yang diminati**


### Rancangan televisyen



Bagi rancangan televisyen yang kedua diminati pula, dapatan kajian menunjukkan trend yang sama dimana majority pelajar iaitu 24 orang (61.5%) memilih rancangan hiburan. Hanya 12 orang pelajar (30.8) sahaja yang memilih rancangan berbentuk informasi dan 3 orang (7.7%) sahaja memilih rancangan berbentuk sukan. Terdapat dua orang pelajar yang tidak memberikan rancangan pilihan mereka.

#### Rajah 4.4 Rancangan televisyen kedua yang diminati

### Rancangan televisyen



Umumnya dapatan kajian ini menunjukkan, pelajar-pelajar ini lebih berminat untuk mendengar atau menonton saluran atau rancangan yang berbentuk hiburan. Dapatan menunjukkan bahawa pilihan pertama dan kedua pelajar lebih banyak tertumpu kepada hiburan dan hanya segelintir pelajar sahaja yang meminati rancangan berbentuk informasi. Keadaan ini amat membimbangkan pelajar kerana pada tahap ini fokus mereka seharusnya lebih kepada rancangan informasi kerana pada tahun ini mereka akan menghadapi peperiksaan SPM.

#### **4.4 Analisis Kualitatif Mengenalpasti Aspirasi, Nilai, Halangan Dan Keperluan Responden**

Berdasarkan kepada tembual dan transkripsi yang telah dibuat, penyelidik telah membuat penganalisaan data-data yang berkaitan. Pendekatan kualitatif telah digunakan dalam penganalisaan data. Bahagian akan melaporkan hasil dapatan daripada analisa yang telah dilakukan.

##### **Soalan 1 : Apakah aspirasi yang ingin dicapai oleh pelajar-pelajar fakir miskin.**

Persoalan kajian ini bertujuan mengenalpasti aspirasi yang ingin dicapai oleh pelajar-pelajar fakir miskin. Untuk menguji persoalan kajian ini, satu temubual telah dijalankan dengan bertanyakan apakah cita-cita responden. Temubual juga telah mendapatkan maklumat mengenai responden terhadap perkara yang ingin mereka ubah dalam kehidupan mereka.

##### **1. Apakah aspirasi yang ingin dicapai oleh pelajar-pelajar fakir miskin.**

**Jadual 4.3 Cita-cita pelajar**

<b>Item</b>	<b>Jumlah</b>
Polis	5
Ahli saintis	4
Guru	4
Doktor	3
Mekanik	2
Usahawan	2
Arkitek	2
Jurutera petroleum	1
Jurutera pembangunan	1
Jurutera pertanian	1
Perunding motivasi	1
Bomba	1

Berdasarkan data yang diperolehi, responden lebih cenderung menceburi pekerjaan yang bersifat profesional. Antaranya yang tertinggi adalah ahli saintis seramai 4 orang diikuti dengan doktor seramai 3 orang, arkitek ( 2 orang), dan jurutera ( 1 orang ). Manakala bidang bukan profesional turut menjadi pilihan para pelajar sebagai cita-cita. Antaranya ialah polis seramai 5 orang, jurutera ( 3 orang ) dan bomba ( 1 orang ). Namun begitu terdapat juga pelajar yang tidak mempunyai maklumat yang tepat tentang keperluan dalam sesuatu bidang. Contohnya terdapat pelajar yang mahu menjadi saintis tetapi dia berada dalam aliran sastera.

#### **Jadual 4.4 Perkara-perkara yang hendak diubah**

<b>Item</b>	<b>Jumlah</b>
Kehidupan keluarga	12
Malas	8
Pencapaian akademik	6
Yakin	3
Pengurusan masa	2
Penguasaan BI	2
Lepak	2
Pergaulan	1
Menjadi lebih baik & berguna	1
Tabiat merokok	1

Jadual 4.4 menggambarkan bahawa pelajar sangat mementingkan isu untuk memperbaiki kehidupan keluarga mereka. Selain daripada itu mereka juga merasakan bahawa mereka mempunyai sikap malas yang perlu diubah. Mereka juga memikirkan tentang pencapaian akademik mereka.

**Jadual 4.5 Apakah perkara yang boleh dilakukan untuk mencapai perubahan**

<b>Item</b>	<b>Jumlah</b>
Kurangkan Lepak	1
Usaha lebih gigih	20
Tingkatkan pencapaian akademik	3
Penguasaan BI	2
Kurangkan Merokok	1
Belajar ke Universiti	1
Dapat pekerjaan baik	2
Pengurusan Masa/Jadual	1
Belajar berkumpulan	1

Pelajar-pelajar merasakan perkara-perkara yang perlu diubah ialah berusaha dengan lebih gigih. Jadual 4.5 menyatakan bahawa terdapat 20 pernyataan yang menyebut tentang tema ini. Disamping itu, pelajar juga merasakan bahawa mereka perlu meningkatkan pencapaian akademik dan memperbaiki penguasaan bahasa Inggeris bagi merealisasikan cita-cita mereka agar tercapai.

## Soalan 2 Apakah nilai-nilai yang dipegang oleh pelajar-pelajar fakir miskin?.

**Jadual : 4.6 Nilai-nilai**

<b>Item</b>	<b>Jumlah</b>
Tanggungjawab	13
Berani	9
Hormati ibubapa/orang tua	5
Sabar	5
Jujur	3
Rajin	3
Amanah	3
Peramah	3
Penyayang	2
Bekerjasama	1
Pemaaf	1
Timbangrasa	1
Menolong	1
Prihatin	1
Pemurah	1
Tidak Putus Asa	1

Pelajar-pelajar dalam kajian merasakan bahawa nilai yang paling penting bagi mereka adalah bertanggungjawab. Nilai ini menjadi sifat yang dominan mungkin disebabkan kuantiti keluarga para pelajar yang agak besar. Selain daripada itu, sifat berani mencuba merupakan penampilan yang penting bagi mereka. Ini diikuti oleh nilai-nilai seperti menghormati ibubapa dan sabar. Walaubagaimanapun nilai yang paling rendah ialah keperihatinan, pemurah dan tidak mudah putus asa.

### Soalan 3 : Apakah bentuk-bentuk halangan yang dihadapi oleh pelajar?

**Jadual 4.7 Bentuk-bentuk halangan**

Item	Jumlah
<b>Faktor Dalaman</b>	
Malas	6
Kurang Yakin	2
Rendah Diri	2
Malu	1
<b>Faktor Luaran</b>	
Kawan-kawan yg negatif	21
Kewangan	14
sokongan keluarga	6
Tuisyen	4
Situasi Rumah tidak Kondusif	2
Buku rujukan	2
Mata pelajaran susah	2
Guru mengajar	2
Perpisahan Ibubapa	1

Biasanya halangan yang berlaku adalah bersifat abstrak merangkumi faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor-faktor ini merupakan halangan utama bagi para pelajar dalam menghadapi pelajaran dan kehidupan. Halangan-halangan ini berlaku di sebabkan oleh persekitaran yang tidak menyokong mereka untuk terus lebih belajar. Contoh yang paling ketara, sepanjang pemerhatian pengkaji, rakan-rakan yang negatif banyak mempengaruhi pelajar seperti keluar malam, lepak malah ada yang hendak berhenti sekolah kerana hasutan.

Faktor dalaman yang menjadi halangan utama para pelajar ini adalah sikap malas manakala faktor luaran yang paling tinggi bilangannya adalah faktor kawan-kawan yang negatif. Masalah kewangan juga merupakan halangan kedua terbesar menyebabkan usaha

untuk mencapai kejayaan terbantut seperti mempelajari kelas tuisyen atau kelas komputer serta membeli bahan rujukan yang lain. Berdasarkan jadual diatas, sikap malas merupakan faktor dalaman yang paling tinggi yang menjadi penghalang pada pelajar-pelajar ini. Manakala faktor luaran yang paling ketara ialah pengaruh kawan-kawan yang negatif, masalah kewangan serta tiadanya sokongan keluarga.

#### **Soalan 4 Apakah keperluan yang sesuai untuk para pelajar?**

**Jadual 4.8 : Keperluan untuk berjaya**

<b>Item</b>	<b>Jumlah</b>
Sokongan& kasih sayang keluarga	23
Rakan-rakan yg positif	11
Bantuan kewangan	7
Sokongan & perhatian/ bimbingan guru	6
Motivasi & kekuatan diri	4
Buku latihan & tuisyen	1

Jadual diatas menerangkan tentang perlunya bagi para pelajar ini sokongan dan kasih sayang dari keluarga. 11 berpendapat bahawa mereka memerlukan rakan-rakan yang positif bagi membantu dalam kejayaan mereka. Bantuan kewangan juga merupakan keperluan bagi para pelajar ini bagi melicinkan proses pembelajaran mereka diikuti oleh perlunya program motivasi dan kelas tuisyen yang konsisten.

## **BAB V**

### **PERBINCANGAN DAN RUMUSAN**

#### **5.1 PENGENALAN**

Kajian ini telah memeriksa seramai 42 orang pelajar dari keluarga fakir miskin yang tinggal di daerah Sabak Bernam untuk melihat perkembangan mereka dari aspek pencapaian akademik, aspirasi hidup, gaya hidup, dan cabaran yang dihadapi. Data telah dikutip secara kuantitatif dan kualitatif. Profail responden iaitu jantina, umur, pencapaian akademik, pekerjaan ibubapa, serta gaya hidup di waktu persekolahan telah dikutip secara kuantitatif iaitu melalui borang soal selidik. Daripada kumpulan ini, seramai 27 orang pelajar telah ditemubual secara kumpulan fokus untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai caragaya hidup, aspirasi, cabaran, dan perubahan yang mereka mahukan dalam kehidupan. Bab ini menerangkan perkaitan antara halangan-halangan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar miskin ini dan caragaya hidup mereka dengan pencapaian akademik dan aspirasi kehidupan mereka.

#### **5.2 LATARBELAKANG KELUARGA DAN PENCAPAIAN AKADEMIK**

Data dari kajian ini menunjukkan semua peserta ini memang berada dalam kategori fakir miskin. Pelajar yang terlibat dalam kajian ini samada tiada mempunyai bapa kerana kematian bapa mereka, ataupun mempunyai bapa yang tiada bekerja ataupun bapa yang bekerja dalam pekerjaan yang berpendapatan rendah dan tidak tetap seperti pekerja kampung, buruh, nelayan, dan peniaga kecilan. Hanya sebilangan kecil melaporkan bapa mereka berpendapatan tetap iaitu sebagai pemandu bas dan jaga, di mana pekerjaan ini juga adalah memberikan pendapatan yang amat rendah. Kebanyakan ibu pelajar-pelajar

ini adalah surirumahtangga dan terdapat sebilangan ibu mereka yang dilaporkan sebagai tidak boleh membaca. Keadaan kesempitan kewangan keluarga serta latar belakang ibu bapa yang tidak berpendidikan yang dialami oleh pelajar-pelajar ini boleh menimbulkan gangguan kepada proses perkembangan mereka seperti yang dinyatakan oleh Holloway, 2003; dan Wong, 1990.

Walaupun begitu, pelajar dalam kajian ini melaporkan pencapaian akademik yang agak positif di mana kebanyakan mereka melaporkan lulus dalam kebanyakan matapelajaran. Bagaimanapun mereka agak lemah dalam matapelajaran matematik dan bahasa Inggeris. Dapatan kajian ini selari dengan apa yang dilaporkan di luar negara di mana pelajar miskin sering ketinggalan dalam matapelajaran matematik dan pembacaan (NAEP, 2000; Low and Clement, 1982; Bracey, 2003). Menurut kajian-kajian di barat, pelajar-pelajar miskin boleh ketinggalan kerana masalah-masalah kewangan serta gaya hidup keluarga serta persekitaran tempat tinggal. Dapatan ini bukanlah sesuatu yang memeranjatkan samada di luar negara ataupun di Malaysia kerana matapelajaran matematik memerlukan motivasi yang tinggi, perhatian yang serius semasa pembelajaran, dan latihan yang kerap, dan keadaan-keadaan yang positif ini lebih senang didapati dalam suasana sosio ekonomi yang baik. Begitu juga dengan matapelajaran Bahasa Inggeris di mana ia merupakan bahasa yang asing bagi golongan berpendapatan rendah di negara kita. Pelajar tidak berpeluang berlatih menggunakan Bahasa Inggeris selain dari semasa berada dalam kelas.

### **5.3 HALANGAN YANG TERPAKSA DIHADAPI**

Apa yang menarik untuk diberi perhatian ialah pelajar-pelajar dalam kajian ini telah menyebut faktor kawan-kawan yang negative, masalah kewangan, kurang sokongan ibubapa, serta ketiadaan tuisyen sebagai halangan yang sedang mereka hadapi. Selain dari itu, pelajar juga melaporkan situasi rumah yang tidak kondusif, adik beradik yang ramai, serta kurang buku rujukan. Pelajar-pelajar ini melaporkan bahawa mereka terpengaruh dengan kawan-kawan yang negatif untuk melakukan kegiatan merokok, ponteng sekolah, keluar rumah sehingga larut malam, ataupun kawan-kawan yang datang ke rumah untuk

berbual kosong. Bagi pelajar yang berada di asrama, kawan-kawan yang mengajak tengok TV di anggap sebagai pengaruh negative.

Masalah kewangan dianggap sebagai halangan yang besar kerana pelajar perlu menyediakan wang untuk membeli pakaian sekolah, membayar yuran, dan bagi yang mempunyai adik beradik ramai, terpaksa pula menanggung adik-adik. Walaupun pelajar mendapat bantuan buku teks, tetapi ramai pelajar ini menyatakan bahawa mereka amat memerlukan buku rujukan dan latihan untuk membantu mereka mengukuhkan pembelajaran. Pada waktu ini mereka hanya mendapat bantuan Pusat Zakat. Pelajar juga menyatakan mereka malu untuk terlalu meminta bantuan. Ada pelajar yang menyatakan bahawa dia terpaksa mencuci rumah orang pada hari Sabtu dan Ahad untuk menampung perbelanjaan persekolahan adik-adiknya. Pelajar juga memberitahu bahawa mereka amat memerlukan tuisyen atau apa sahaja kelas tambahan yang dapat membantu mereka.

Sesetengah pelajar melaporkan bahawa mereka mendapat sokongan dari ibubapa mereka. Bagaimanapun terdapat pelajar yang melaporkan mempunyai terlalu banyak masalah keluarga termasuklah pergaduhan dan perceraian ibu bapa sehingga menyebabkan mereka tidak boleh menumpukan perhatian pada pelajaran. Apa yang menarik ialah ramai pelajar yang menyebut bahawa mereka memerlukan sokongan dari seseorang selain dari ibubapa contohnya adik beradik, guru, dan rakan-rakan untuk terus berjaya. Keadaan ini menunjukkan bahawa pelajar dari golongan miskin ini bukan sahaja kurang dari segi kewangan, tetapi juga amat memerlukan sokongan emosional.

Selain dari halangan-halangan luaran, pelajar-pelajar ini juga mengakui bahawa mereka mempunyai halangan dalaman iaitu sikap malas, kurang keyakinan diri serta malu. Sikap begini amat berkait rapat dengan keadaan kekurangan dalam diri seseorang. Beberapa orang pelajar menyatakan mengalami perasaan negative dan kurang bersemangat untuk belajar apabila timbul keadaan-keadaan ini: tidak faham apa yang diajar oleh guru, tidak cukup wang untuk membeli peralatan sekolah dan buku rujukan, mendapat nombor yang “berpuluh-puluh” (atau terkebelang berbanding rakan sekelas) dan apabila adik-adikbising di rumah. Untuk berjaya dalam kehidupan, pelajar-pelajar

miskin ini perlu mengatasi perasaan-perasaan negative yang akan terus menerus menghalang mereka dari bertindak dengan positif dalam proses kehidupan secara amnya dan proses pembelajaran secara khususnya.

Melihat kepada pencapaian akademik mereka, pelajar-pelajar golongan miskin sebenarnya berpotensi untuk mencapai kejayaan. Bagaimanapun dengan halangan-halangan luaran dan dalaman yang terpaksa dihadapi, mereka tidak berpeluang bersaing dengan rakan-rakan seangkatan yang lebih bernasib baik. Halangan luaran dan halangan dalaman menyebabkan pelajar ini terus bergelumang dalam masalah mereka.

#### **5.4 CARAGAYA HIDUP**

Cara gaya hidup pelajar menerangkan dengan lebih jelas kenapa pelajar-pelajar golongan miskin ini mungkin menghadapi masalah untuk mencapai dengan lebih baik dalam pelajaran. Pelajar-pelajar ini memperuntukkan masa yang sangat sedikit untuk mengulangkaji, menyiapkan kerja rumah, ataupun membaca bacaan berunsur akademik, kerohanian, maupun pengetahuan am. Keadaan ini sama seperti apa yang dilihat oleh Bracey (2003) yang mengutarakan apa yang dilakukan dan apa yang tidak dilakukan oleh pelajar miskin di luar waktu persekolahan mempengaruhi pencapaian mereka dalam pembelajaran. Kelemahan dalam matapelajaran matematik samada dalam kajian Bracey (2003) maupun kajian ini mungkin boleh difahami dengan melihat terlalu sedikit masa yang diperuntukkan untuk mengulangkaji, di mana tidak dinafikan matapelajaran ini memerlukan kekerapan dan kesinambungan latihan.

Pelajar miskin dalam kajian ini melaporkan mereka paling banyak memberikan masa untuk menonton TV, membantu ibubapa di rumah, berbual kosong dengan ibubapa serta berehat. Menonton TV boleh menjadi pengalaman pembelajaran, tetapi dalam temubual yang dijalankan, beberapa pelajar dalam kajian ini telah menyebut bahawa mereka banyak “membuang masa” dengan menonton TV. Ini menggambarkan bahawa mereka berpendapat rancangan yang mereka tonton tidak memberi kebaikan. Data

kuantitatif juga menunjukkan bahawa dua rancangan televisyen yang paling diminati oleh mereka adalah berbentuk hiburan seperti “.....” Dan “.....” Hanya dua orang pelajar yang ditemubual menyatakan mereka suka menonton rancangan berunsur dokumentari sains dan teknologi, tetapi kadangkala terpaksa mengalah dengan adik-adik yang sukakan rancangan kartun. Dalam hal pemilihan rancangan TV yang digemari dan dirasakan berfaedah, pelajar miskin tidak ada pilihan kerana mereka tidak mempunyai media alternatif untuk menambahkan pengetahuan am mereka. Oleh itu, mereka terpaksa menonton rancangan yang digemari oleh ahli keluarga mereka. Pada masa yang sama, pelajar-pelajar ini juga menyatakan mereka paling sedikit memberi masa untuk membaca akhbar. Ini mungkin disebabkan keluarga mereka tidak melanggan akhbar, ataupun membaca akhbar tidak dijadikan caragaya hidup oleh keluarga mereka. Data kuantitatif juga menunjukkan bahawa saluran radio yang pertama dan kedua yang diminati oleh pelajar adalah berbentuk hiburan. Dapat disimpulkan gaya hidup pelajar miskin dalam kajian ini kurang membantu usaha pembelajaran mereka kerana mereka banyak menghabiskan masa menonton atau mendengar rancangan radio atau televisyen yang berbentuk hiburan dan kurang dalam input akademik mahu pun pengetahuan am.

Semasa di rumah, pelajar banyak menolong ibubapa samada membuat kerja rumah, menjaga adik-adik semasa ibubapa keluar bekerja, ataupun sesetengah pelajar bekerja untuk tujuan membantu keluarga. Caragaya hidup begini membuatkan pelajar tidak memperuntukkan masa untuk mengulangkaji ataupun menyiapkan kerja rumah. Terutama bagi pelajar yang berada dalam kelas peperiksaan, ulangkaji, latihan, hubungan yang baik dengan guru melalui penyelesaian kerja rumah yang sempurna adalah faktor yang boleh membantu pelajar belajar dengan lebih berkesan.

Pelajar dalam kajian ini juga menyatakan mereka tidak memberi masa kepada kegiatan-kegiatan rekreasi yang memerlukan kemahiran dan tumpuan seperti bermain alat musik ataupun melayari internet. Keadaan-keadaan yang tidak kondusif bagi pelajar untuk belajar ataupun berrekreasi di rumah boleh menjadi faktor penolak untuk pelajar sering keluar rumah untuk melepak bersama rakan sebaya. Ada pelajar yang melaporkan

kebanyakan rakan-rakannya terdiri dari mereka yang tidak bersekolah. Rakan-rakan sebegini merupakan pengaruh tidak sihat kepada caragaya hidup pelajar-pelajar ini.

## **5.5 ASPIRASI PELAJAR MISKIN**

Dalam kajian ini aspirasi pelajar dilihat dari respon mereka terhadap soalan tentang cita-cita mereka. Semua pelajar mampu menyatakan apa yang mereka cita-citakan dalam kehidupan. Dari aspek kerjaya lebih separuh pelajar bercita-cita menjadi professional seperti jurutera, arkitek, doctor, dan saintis. Selebihnya telah menyebut pekerjaan-pekerjaan yang berada dalam status pertengahan seperti guru, polis, tentera, bomba dan sebagainya. Menurut Velez (1989), aspirasi pelajar golongan miskin berkait rapat dengan pencapaian akademik. Temubual menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar yang beraspirasi menjadi professional berada dalam kelas sains dan kejuruteraan. Kajian ini menunjukkan bahawa walaupun. Sebaliknya pelajar yang memilih pekerjaan yang kurang professional menyatakan juga perasaan kurang yakin dengan pencapaian akademik yang ada sekarang. Kurang keyakinan ini juga berkaitan dengan kekurangan usaha yang diberikan dalam proses pembelajaran tersebut, seperti tidak membuat kumpulan studi, tidak menghadiri kelas tambahan yang dibuat oleh guru, kurang ulangkaji dan tumpuan serta caragaya hidup yang tidak sihat.

Kajian ini menyokong apa yang diutarakan oleh Ramos et al (1995) bagaimana aspirasi pelajar miskin berkait dengan persepsi mereka berkenaan sokongan ibubapa. Kebanyakan pelajar dalam kajian ini menyatakan bahawa mereka amat memerlukan sokongan dari ibubapa. Antara bentuk sokongan yang diperlukan ibubapa menyediakan peruntukan kewangan untuk biaya pembelajaran, ibubapa memberi dorongan secara positif dan tidak marah-marah, serta ibubapa memahami jiwa remaja mereka. Malah apabila ditanya apakah yang apling mereka perlukan untuk berjaya, jawapannya ialah sokongan ibubapa, dan ini melebihi keperluan kepada sokongan guru, bantuan kewangan, maupun tuisyen dan buku-buku tambahan.

Begitu juga dengan pendapat Van Hook (1995) yang melihat pengaruh tahap pendidikan ibubapa terhadap aspirasi pelajar. Sekali lagi di sini, pelajar miskin dalam kajian ini mempunyai ibubapa yang samada tidak berpendidikan ataupun berpendidikan rendah atau menengah sahaja. Kebanyakan pelajar menyatakan hajat untuk bekerja dahulu sebelum melanjutkan pelajaran ke universiti. Antara alasan yang diberikan ialah untuk mengumpulkan wang yang cukup untuk pembelajaran peringkat atas. Ini memberikan gambaran bahawa pelajar miskin dan mempunyai ibubapa berpendidikan rendah tidak yakin dengan aspirasi untuk terus belajar di peringkat lebih tinggi kerana terbelunggu dengan kedudukan kewangan keluarga mereka.

Selain dari cita-cita, aspirasi pelajar juga boleh dilihat dari nilai yang mereka pegang. Antara nilai yang dipegang oleh pelajar ini adalah seperti rajin, bertanggungjawab, menghormati orang tua, bekerjasama, penyabar, berani, dan penyayang. Bagaimanapun pelajar kurang menyatakan mempunyai nilai seperti tidak putus asa, bertimbang-sara, prihatin, maupun pemaaf. Selain dari mempunyai nilai yang positif, pelajar-pelajar miskin ini juga menyatakan nilai kekeluargaan yang tinggi. Kebanyakan mereka bercita-cita mengubah keadaan kehidupan keluarga mereka dan juga mengubah tingkahlaku mereka.

## **5.6 IMPIKASI KAJIAN**

Kajian ini memberi beberapa implikasi yang menarik untuk difikirkan oleh pihak-pihak seperti agen penyumbang iaitu pusat zakat, guru, kaunselor dan penyelidik. Bagi penyumbang kewangan pelajar ini, kajian ini memaparkan bahawa usaha yang sedang mereka lakukan adalah membuahkan hasil yang baik dan usaha ini amatlah diperlukan. Bagaimanapun, usaha ini boleh dimantapkan lagi dengan mengenalpasti perkara-perkara yang boleh membantu meningkatkan keyakinan pelajar tentang masa depan mereka, memantau caragaya hidup pelajar supaya sesuai dengan budaya pembelajaran, dan bekerjasama dengan ibubapa untuk memastikan kejayaan program yang dirancang.

Guru dan kaunselor sekolah di mana terdapatnya pelajar miskin perlu mengambil tahu tentang kehadiran dan keadaan pelajar ini. Dengan mendekati dan memberi dorongan kepada pelajar ini mereka telah membantu memenuhi keperluan pelajar yang amat memerlukan sokongan. Mungkin pihak sekolah boleh menerimapakai cadangan Van Hook (1993) iaitu membantu pelajar-pelajar miskin ini dengan memberi maklumat tentang peluang-peluang bantuan kewangan dan mungkin pihak sekolah dan kementerian boleh mengadakan program-program mengutip dana dalam komuniti masing-masing. Usaha persatuan ANSARA (TV 7) yang mengutip data melalui telethon memberi fokus kepada membantu pelajar miskin boleh dianggap sebagai cara berkesan untuk menarik kesedaran masyarakat terhadap kewujudan dan keperluan pelajar miskin. .

Penyelidik bertanggungjawab menyediakan lebih banyak maklumat yang membolehkan pembuat polisi negara bertindak secara proaktif ke atas isu kemiskinan. Kajian akan datang perlu menyelidik dengan lebih mendalam tentang keperluan, dan caragaya hidup golongan miskin di seluruh negeri Selangor. Penyelidikan akan datang boleh mengkaji gaya hidup, aspirasi, halangan di kalangan keluarga fakir miskin di pelbagai lokasi geografi seperti pulau, pinggir bandar, bandar dan pedalaman. Penganalisan yang lebih teliti menggunakan perisian NVIVO yang dapat memproses data kualitatif akan membolehkan penyelidik melihat dengan lebih jelas perkara-perkara yang boleh diperbaiki dalam kehidupan golongan pelajar miskin ini.

## **5.7 RUMUSAN**

Walaupun pelajar fakir miskin di Malaysia mempunyai banyak masalah kewangan, tetapi peserta-peserta dalam kajian ini mempamerkan aspirasi yang sihat, serta nilai yang positif. Apa yang ketara menjadi penghalang kepada aspirasi pelajar-pelajar miskin ini adalah caragaya hidup mereka. Dengan bimbingan yang sesuai kepada pelajar dan keluarga mereka, pelajar-pelajar ini tidak perlu mewarisi kesempitan kehidupan seperti yang dilalui oleh keluarga mereka. Adalah diharapkan usaha-usaha sebegini akan membolehkan pelajar miskin bertumbuh dengan sihat dan menjadi warganegara yang berkesan.

## **RUJUKAN**

Bracey, G. W., (2003), What they did last summer, NEA Today , 22,(2),

Holloway, J. H. (2003). Addressing the needs of Homeless Students. Educational Leadership, 60, (4).

- Johnson, R. (1998), A second Chance at success, *Techniques: Making Education & Career Connections*, 73 (5).
- Low, B. P., & Clement, P. W. (1982). Relations of race and socioeconomic status of classroom behavior, academic achievement, and referral for special education. *Journal of School Psychology*, 20(2), 103-112.
- National Assessment of Educational Progress (2000). Reading report card for the nation and states. Office of educational research improvement, Washington, D. C.: US Department of Education.
- Ramos, L., Sanchez, A. R. (1995). Mexican–American High School Students: educational aspirations. *Journal of Multicultural Counseling & Development*, 23 (4).
- Van Hook, M.P. (1993). Educational Aspirations of Rural Youths and Community Economic Development: Implications for School Social Workers. *Social Work in Education*, 15 (4).
- Velez, W. (1989). High school attrition among Hispanic and non-Hispanic white youths. *Sociology of education*, 62, 119-133.
- Wong. M. G. (1990). The education of white. Chinese, Filipino, and Japanese students: A look at high school and beyond.” *Sociological Perspectives*, 33(3), 355-374.

<b>NO. RESPONDEN</b>	

**SILA JAWAB SEMUA SOALAN DALAM BAHAGIAN A DAN B**

**BAHAGIAN A**

**ARAHAN :** Untuk soalan A1 – A6, sila tuliskan jawapan anda di dalam ruangan yang disediakan *ATAU* dengan menandakan  $\checkmark$  di dalam kotak yang sesuai

**A1. Jantina:**

- 1. Lelaki
- 2. Perempuan

**A2. Tarikh Lahir:**

Hari		Bulan		Tahun	

**A3. Alamat Rumah:**

-----  
-----

**A4. Nama dan alamat sekolah:**

-----  
-----

**A5. Berapa juzu' al-Qur'an yang anda telah baca?**

- 1. Mukaddam
- 2. 1-10 juzu'
- 3. 11-20 juzu'
- 4. 21-30 juzu'
- 5. Khatam al-Qur'an

#### **A6. Keputusan peperiksaan PMR**

<b>MATA PELAJARAN</b>	<b>GRED</b>	<b>MATA PELAJARAN</b>	<b>GRED</b>
Bahasa Malaysia		Sejarah	
Bahasa Inggeris		Geografi	
Pendidikan Islam			
Matematik			
Sains			

#### **BAHAGIAN B**

**ARAHAN :** Untuk soalan B1-B20, sila bulatkan nombor yang berkaitan berdasarkan skala di bawah:

<b>0</b>	<b>=</b>	<b>TIDAK PERNAH</b>
<b>1</b>	<b>=</b>	<b>KURANG DARI 1 JAM SEHARI</b>
<b>2</b>	<b>=</b>	<b>1 JAM HINGGA 2 JAM SEHARI</b>
<b>3</b>	<b>=</b>	<b>2 JAM HINGGA 3 JAM SEHARI</b>
<b>4</b>	<b>=</b>	<b>3 JAM HINGGA 4 JAM SEHARI</b>
<b>5</b>	<b>=</b>	<b>LEBIH DARI 4 JAM SEHARI</b>

Berapa lamakah **PURATA MASA** yang anda luangkan **DALAM SEHARI** untuk perkara-perkara berikut :

<b>NO</b>	<b>AKTIVITI HARIAN</b>	<b>SKALA AKTIVITI SEHARIAN</b>					
B1	Menonton televisyen	0	1	2	3	4	5
B2	Menonton VCD	0	1	2	3	4	5
B3	Mendengar radio	0	1	2	3	4	5
B4	Membaca majalah hiburan	0	1	2	3	4	5
B5	Membaca majalah akademik/pendidikan	0	1	2	3	4	5

B6	Melayari laman web	0	1	2	3	4	5
B7	Bersiar-siar	0	1	2	3	4	5
B8	Berehat-rehat	0	1	2	3	4	5
B9	Lepak	0	1	2	3	4	5
B10	Bersukan	0	1	2	3	4	5
B11	Membaca surat khabar	0	1	2	3	4	5
B12	Mengulangkaji pelajaran sekolah	0	1	2	3	4	5
B13	Menyiapkan kerja sekolah dirumah	0	1	2	3	4	5
B14	Membantu ibu/bapa dirumah	0	1	2	3	4	5
B15	Beribadat	0	1	2	3	4	5
B16	Membaca al-Quran	0	1	2	3	4	5
B17	Bermain alat muzik	0	1	2	3	4	5
B18	Berbual dengan ibubapa	0	1	2	3	4	5
B19	Tidur diwaktu siang	0	1	2	3	4	5
B20	Berbual-bual kosong dengan rakan-rakan	0	1	2	3	4	5

***B21. Dua saluran radio pilihan anda***

a).....

b).....

***B22. Dua rancangan televisyen yang ada paling minati***

a).....

b).....

## PROTOKOL TEMUBUAL PELAJAR

1. Ceritakan tentang diri anda?

- nama
- jantina
- bilangan adik beradik
- bilangan ke berapa
- pencapaian akademik
- pekerjaan bapa/ibu
- pendidikan ibu/bapa

2. Apakah cita-cita anda apabila anda tamat belajar nanti?

3. Jika ada perkara berkaitan dengan diri yang ingin diubah, apakah perkara tersebut?

4. Apakah yang anda rasa boleh dilakukan untuk mencapai perubahan tersebut?

5. Tindakan kita banyak bergantung kepada nilai-nilai yang kita pegang. Nilai bermaksud apa yang anda hargai. Contoh-contoh nilai yang dipegang oleh seseorang seperti keberanian, kerajinan, keseronokan, bertanggungjawab, amanah, jujur, setia dll. Sebutkan nilai-nilai penting yang menentukan tindakan anda?

6. Kadang-kadang kita mahu melakukan sesuatu yang baik dan berjaya dalam pelajaran, tetapi terdapat perkara-pekerja yang menghalang seperti masalah kewangan, masalah keluarga, rakan-rakan, perasaan sendiri malu, malas, takut dll. Apakah halangan yang paling besar bagi anda?

7. Kadang-kadang kita memerlukan beberapa perkara untuk membolehkan kita berjaya. Contohnya: bantuan kewangan, kasih sayang, galakan dan sokongan dari ibubapa., rakan-rakan yang positif, jiran tetangga dll. Sebutkan perkara-perkara yang anda perlukan untuk anda berjaya?